



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2000 Fax: +603-8888 6051
Email: respon@dvs.gov.my



KENYATAAN AKHBAR 'MALAYSIA ANIMAL LOVING DAY' 2022

PUTRAJAYA, 2 APRIL 2022 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menganjurkan '*Malaysia Animal Loving Day 2022*' (MALD2022) bertujuan mendidik masyarakat mengenai pentingnya kasih sayang dan ihsan terhadap haiwan serta memupuk kesedaran awam menjadi pemilik haiwan yang bertanggungjawab.

Sambutan selama dua hari, pada 1 dan 2 April tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh bertempat di Dewan Serbaguna MAFI, Putrajaya.

Seramai 200 tetamu jemputan dari seluruh Malaysia mewakili jabatan dan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan Persatuan Pencinta Haiwan, Persatuan Veterinar serta pihak terlibat dalam industri haiwan telah turut serta memeriahkan sambutan MALD 2022.

Dalam majlis tersebut juga, YB Timbalan Menteri MAFI turut melancarkan 'Pelan Strategik Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2021-2030'. Antara lain, pelan ini menggariskan tiga strategi seperti:

- i. Memperkukuhkan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan lain-lain perundangan yang berkaitan.
- ii. Mewujudkan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi pembangunan berterusan untuk memperkukuhkan kebajikan dan kesejahteraan haiwan.

- iii. Meneraju konsep kebajikan dan ihsan haiwan berdasarkan budaya sosial masyarakat tempatan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan selama dua hari sambutan MALD 2022 berlangsung, termasuk seminar kebajikan haiwan, pertandingan kucing cantik, pameran kucing eksotik, *cat adoption*, pertandingan aqua space, pameran ikan hiasan, pertandingan mewarna kanak-kanak, permainan didik hibur, demonstrasi '*pet-grooming*', *mobile clinic*, pameran statik pelbagai agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi serta gerai jualan aksesori haiwan kesayangan.

Bersesuaian dengan objektif penganjuran MALD 2022, sebagai platform perkongsian informasi dan pemahaman perundangan, peraturan dan garis panduan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015, DVS dengan kerjasama strategik beberapa NGO dan Persatuan Pencinta Haiwan seperti Kelab Kucing Malaysia (KKM) dan institusi pengajian tinggi tempatan akan sentiasa memastikan kempen kesedaran awam mengenai tanggungjawab, kasih sayang dan ihsan terhadap haiwan dapat terus dilaksanakan melalui pelbagai strategi pendekatan, aktiviti dan promosi.

Turut hadir di majlis perasmian '*Malaysia Animal Loving Day 2022*' adalah Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Datuk Haslina Abd. Hamid, dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Norlizan Mohd. Noor.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

2 APRIL 2022